

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

PLG 428 - Masalah dan Isu Pendidikan Semasa

Tarikh: 27 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Anda perlu menjawab 3 soalan kesemuanya, Soalan No.1 mesti dijawab.

1. Dengan berpandukan skala kontinum serta rajah kronologi mengenai peristiwa-peristiwa dan jadual Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan cuba anda terangkan mengenai tahap-tahap perpaduan yang dicapai mulai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan penubuhan Malaysia hinggalah ke akhir tahun 1987.

(Dilampirkan:

- Rajah I = Skala Kontinum Mengenai Rangka Tahap Hubungan Kaum.
- Rajah II = Kronologi Peristiwa-Peristiwa.
- Rajah III = Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan Mengenai Bahasa Malaysia Di Sekolah-Sekolah)

(40 markah)

Jawab mana-mana DUA soalan berikut:

2. Apakah yang anda faham mengenai "disiplin sekolah"? Cadangkan langkah yang wajar diambil oleh pihak-pihak tertentu untuk mengurangkan masalah disiplin di sekolah.

(30 markah)

3. Pada pandangan anda sejauh manakah isu "sekolah integrasi" disalahtafsirkan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah. Sejuah manakah langkah-langkah tersebut berjaya?

(30 markah)

4. Salah satu isu yang hangat dibincangkan ialah Bahasa Baku. Beri pendapat anda mengenai konsep dan cara pelaksanaan Bahasa Baku di sekolah-sekolah.

(30 markah)


...2/-

5. a) Dalam skim perkhidmatan guru atau pegawai perkhidmatan pendidikan sekarang terdapat beberapa kategori mengikut kelulusan ilmiah dan latihan ikhtisas tertentu. Adakah anda berpuashati dengan keadaan yang ada sekarang atau tidak?
- b) Bagaimana pendapat anda tentang peluang kenaikan pangkat guru-guru seperti yang diamalkan sekarang?

(30 markah)

-ooo00ooo-

Rajah 1 : Rangka Tahap Hubungan Kaum



DH * = Darjah Hubungan

...ii/-

LAMPIRANRajah II : Krologi Peristiwa

<u>Jangka</u>	<u>Peristiwa-Peristiwa Penting Waktu</u>	<u>Skala Kontinuum</u>
Pra 1957 -	Perundingan sebelum kemerdekaan	D - E
1957-1963	Kemerdekaan sehingga penubuhan Malaysia	C - D
Ogos 1963	Penubuhan Malaysia - Cabaran PAP terhadap dasar-dasar Kerajaan Perikatan	E - G
Ogos 1965 - Mei 1969	Cabaran-cabaran Parti Pembangkang terhadap Kerajaan Perikatan (Rusuhan Bukit Mertajam)	H - J
Mei 1969	Rusuhan 13 Mei di Kuala Lumpur	K - L
Mei 1969 - 1972	Pemerintahan Mageran, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran dilaksanakan	E - F
1972 - 1974	Kerajaan Campuran dibentuk - Pemerintahan Berparlimen dikembalikan	D - E
1974 - 1978	Kerajaan di bawah Tun Abdu Razak menduduki kuasa - bermulanya pertumbuhan ekonomi yang pesat	C - D
1978 - 1982	Kerajaan di bawah Hussein Onn - Pertumbuhan ekonomi yang pesat	C - D
1982 - 1985	Kerajaan masakini Kesan Dasar Ekonomi Baru/ Dasar Pelajaran Kebangsaan mula dirasakan. Kesan kemerosotan ekonomi dirasakan di negara. Memulakan Dasar-Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam	D - E
1986 -	Isu-isu yang telah diputuskan sejak Merdeka dan dimaktubkan dalam Parlimen dibangkitkan semula	???

...iii/-

LAMPIRAN

Rajah III - Pelaksanaan Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah

<u>Tahun</u>	<u>Pelaksanaan</u>
1957	Bahan Kebangsaan telah dijadikan mata pelajaran wajib di semua peringkat sekolah-sekolah bantuan, rendah dan menengah.
1958	Penubuhan kelas-kelas menengah pengantar Melayu yang akhirnya berkembang menjadi sekolah-sekolah menengah kebangsaan.
1963	(i) Penubuhan sekolah menengah pengantar Melayu berasrama yang pertama di Kuala Lumpur - Sekolah Menengah Alam Shah. (ii) Kelas-kelas Tingkatan VI pengantar Melayu dimulakan di Sekolah Menengah Alam Shah.
1965	Kumpulan pertama pelajar pengantar Melayu masuk ke Universiti Malaya.
1968	(i) Kumpulan pertama pelajar pengantar Melayu tamat dari Universiti Malaya. (ii) Kelas-kelas pengantar Melayu dalam sekolah menengah vokasional (iii) Lima mata pelajaran diajar dalam Bahasa Malaysia di Darjah I-III dalam sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris.
1969	Tatarakyat diajar dalam Bahasa Malaysia di Darjah IV di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris.
1970	(i) Semua mata pelajaran dalam Darjah I diajar dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris. (ii) Ilmu Alam dan Tawarikh diajar dalam Bahasa Malaysia di Darjah IV di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris. (iii) Kelas-kelas pengantar Melayu dalam sekolah-sekolah menengah teknik diwujudkan.
1973	Semua mata pelajaran sastera dalam Tingkatan I diajar dalam Bahasa Malaysia di sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris.

...iv/-

LAMPIRANTahunPelaksanaan

- 1975 (i) Kelas Peralihan pengantar Inggeris dimansuhkan.
(ii) Sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris diubah menjadi sekolah-sekolah rendah kebangsaan.
- 1976 (i) Semua mata pelajaran sastera, sains dan teknikal dalam Tingkat I diajar dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris.
(ii) Semua mata pelajaran sastera dalam Tingkatan IV diajar dalam Bahasa Malaysia.
- 1978 Mata pelajaran aliran sastera dalam Tingkatan VI (Rendah) diajar dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris.
- 1980 Dalam tahun pertama, pengajian sastera dan kursus-kursus yang berkaitan diajar dalam Bahasa Malaysia di universiti-universiti.
- 1981 Semua aliran sastera, sains dan teknikal dalam Tingkatan VI (Rendah) akan diajar dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris.
- 1982 Sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris akan diubah menjadi sekolah-sekolah menengah kebangsaan.
- 1983 Dalam semua kursus tahun pertama (sastera, sains, kejuruteraan, perubatan dan lain-lain) akan diajar dalam Bahasa Malaysia di universiti-universiti.

[Sumber: Laporan Mengenai Pelaksanaan Syor-syor Jawatankuasa Dasar Pelajaran 1960, ms. 46-48.]